

# Lajim terima baik pelantikan Naib Canselor yang baharu

UB 10-6-2017 B4

BEAUFORT: Parti Harapan Rakyat Sabah (Harapan Rakyat) menerima baik pelantikan Profesor Dr D Kamaruddin D Maidin sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang kelima.

Presidennya Datuk Seri Lajim Ukin berkata, pelantikan itu menandakan anak jati Sabah juga berkelayakan untuk jawat jawatan penting dalam sebuah organisasi khususnya di UMS.

“Sudah pasti, kita tidak mahu ‘orang luar’ menjadi pentadbir kepada sebuah organisasi terpenting di Sabah dan kita akan terus membantah jika kerajaan pusat tidak mendengar suara rakyat negeri ini.

“Oleh itu, saya ingin mengucapkan tahniah dan penghargaan kepada Naib Canselor UMS yang baharu ini,” katanya ketika ditemui pada Majlis Berbuka Puasa

bersama Pergerakan Sayap Harapan Rakyat Bahagian Beaufort, baru-baru ini.

Beliau turut berhasrat sekiranya diberikan mandat oleh rakyat untuk menjadi kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14) akan datang, pihaknya akan memastikan segala cukai yang membebankan rakyat dihapuskan.

Katanya, ia termasuklah Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) dan terbaru Cukai Pelancongan yang akan mula dilaksanakan 1 Julai depan.

“Seperti yang kita sedia maklum, rakyat kini dibebani dengan cukai GST sebanyak 6 peratus setiap kali membuat pembelian barangan di mana-mana premis perniagaan sejak beberapa tahun lalu.

“Ia dilihat menyusahkan rakyat dan terbaru kerajaan pusat bakal melaksanakan Cukai Pelancongan kepada mereka yang akan menginap di pusat peranginan dan hotel tidak kira pelancong asing mahupun rakyat tempatan,” katanya. **-OLEH YAP SIONG HAN**

**LAJIM (kiri) menyerahkan sumbangan kepada salah seorang warga emas yang hadir pada majlis itu.**

